



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**Ministry of Agriculture and Food Security**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpkm.gov.my](http://www.kpkm.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### **SMART SBB ALA SEKINCHAN PEKAN, PAHANG : LANGKAH PROAKTIF PERKUKUH SEKTOR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**PEKAN PAHANG, 22 JANUARI 2024** – Seri Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan, Pahang.

Hadir sama menyambut keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu; Timbalan Menteri Pertanian KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup; Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali dan barisan kepimpinan tertinggi Kementerian.

Menerusi ucapannya, Mohamad berkata bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan perdagangan terbuka dan bebas dimana ianya meletakkan negara terdedah kepada sebarang perubahan landskap global seperti pandemik COVID-19 dan konflik geopolitik serantau.

Menurutnya lagi subsektor padi dan beras merupakan antara yang terkesan daripada isu global dan turut merasai impak kenaikan bahan mentah dunia sekaligus mempengaruhi harga input pertanian seperti baja dan racun di pasaran tempatan, kenaikan harga jualan beras import, perubahan iklim dan sebagainya.

Justeru KPKM terus mengorak langkah proaktif dalam melaksanakan beberapa inisiatif bersifat jangka sederhana dan panjang seperti memperluas pelaksanaan program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di seluruh kawasan jelapang dan luar jelapang secara berperingkat, melaksanakan Program Lestari 5 iaitu program peningkatan purata hasil padi nasional daripada 3.77 tan metrik per hektar kepada 5 tan metrik per hektar di seluruh kawasan jelapang dan luar jelapang negara, menghasilkan benih yang boleh dituai dengan tempoh matang yang singkat serta benih yang lebih berdaya tahan dengan cuaca yang ekstrem dan memperkenalkan Skim Baja Perintis sebagai skim baja tambahan yang diberikan kepada pesawah bagi meningkatkan pengeluaran.

Seiring dengan kemajuan teknologi KPKM mengorak langkah dengan memperkenalkan satu model baharu di bawah Program SMART SBB iaitu dengan membawa kejayaan pelaksanaan padi di kawasan Sekinchan, Selangor untuk di aplikasi ke kawasan padi yang lain.

*SMART SBB* Ala Sekinchan yang merupakan model baharu dibawah program ini menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *Knowledge, Attitude* dan *Practice* dilancarkan pada bulan Mei 2023 dan telah dilaksanakan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), IADA Kemasin Semerak dan IADA KETARA.

Bagi negeri Pahang, model baharu yang dikawalselia oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan bersama sebuah syarikat peneraju telah diadakan di Skim Merchong. Secara keseluruhan kawasan ini mempunyai keluasan sekitar 4,134 hektar dengan bilangan seramai 1,716 orang pesawah. Terdapat sepuluh Kumpulan Pengguna Air (KPA) di bawah Skim Merchong, dan projek ini akan memberi fokus utama kepada KPA Permatang Durian. Bagi Fasa Pertama pelaksanaan projek ini, ianya akan melibatkan seramai 84 orang peserta dengan kawasan usaha seluas 168 hektar.

Secara prinsipnya, cadangan projek ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran produktiviti padi negara melalui strategi di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021 - 2030 dengan memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan guna tanah dan air untuk produktiviti yang lebih tinggi.

Kementerian komited menyokong pelaksanaan projek ini sebagai salah satu inisiatif untuk mempertingkatkan pengeluaran padi tempatan di samping menjamin pengekalan kawasan penanaman padi negara yang saban tahun menghadapi masalah pengecilan kawasan akibat daripada penukaran status guna tanah.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**22 JANUARI 2024**